

Daing Nasir dilantik semula Naib Canselor

BH (NASIONAL) 1 MEI m/s 33

Kuantan: Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (**gambar**) dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 16 Mei 2015 hingga 15 Mei 2017.

Pelantikan semula itu dibuat oleh Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin selaras peruntukan di bawah Seksyen 12 (1) Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Prof Daing Nasir berkata, UMP kini berada pada ambang fasa keempat dalam perkembangan strategiknya untuk terus menjana kegemilangan.

“Sebagai menyahut cabaran berani berbeza dalam memaknakan autonomi yang diperkenalkan dalam Amanat Tahunan UMP, baru-baru ini, enam inisiatif diperkenalkan untuk UMP terus mencapai kegemilangan.

“Ia adalah melonjakkan e-pembelajaran, budaya keusahawanan bersepadu, mempergiat usaha pengkomersialan, meningkatkan kesejahteraan kampus, mengurus prestasi dan memupuk kepimpinan holistik dalam mencipta kelainan,” katanya.

Beliau dilantik Naib Canselor UMP pada 16 Mei 2008 berkelulusan bidang perakauan dari Universiti of Dundee dan pernah berkhidmat dengan Universiti Sains Malaysia (USM) selama 10 tahun.